

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan senarai kawasan-kawasan estet padi yang telah berjalan mengikut negeri. Mohon diberikan keluasan estet, jumlah pengeluaran serta jumlah petani yang terlibat bagi setiap negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah melaksanakan program estet padi sejak tertubuhnya LPP dalam tahun 1973. Program estet padi ini bertujuan bagi menyatukan tanah-tanah pesawah dalam satu kawasan pengeluaran yang luas dan tersusun serta diuruskan secara pengurusan berpusat oleh PPK dari segi pembekalan baja, racun, benih, perkhidmatan kejenteraan ladang, pemasaran dan lain-lain.
2. Kawasan estet padi mengikut negeri, keluasan estet, jumlah pengeluaran serta jumlah petani yang terlibat bagi setiap negeri adalah seperti berikut :

SOALAN NO. 9

| NEGERI | KELUASAN (HA) | BILANGAN PESERTA | JUMLAH HASIL METRIK TAN/ HEKTAR | PURATA HASIL METRIK TAN/ HEKTAR |
|-----------------|----------------------|-------------------------|--|--|
| Perlis | 1,173.83 | 1,106 | 3,128.16 | 3.83 |
| Kedah | 3,770.27 | 2,939 | 6,632.29 | 1.71 |
| Pulau Pinang | 2,326.54 | 1,111 | 8,933.61 | 4.21 |
| Perak | 6,446.67 | 2,291 | 9,242.97 | 1.90 |
| Selangor | 1,722.00 | 4,411 | 22,424.54 | 6.58 |
| Negeri Sembilan | 1,186.93 | 1,090 | 1,966.45 | 2.14 |
| Melaka | 2,402.99 | 599 | 3,373.00 | 2.26 |
| Johor | 758.73 | 429 | 159.37 | 1.36 |
| Terengganu | 1,142.79 | 775 | 3,401.69 | 2.73 |
| Pahang | 6,598.65 | 2,908 | 13,068.33 | 2.22 |
| Kelantan | 15,863.78 | 5,141 | 37,942.46 | 2.07 |
| Sabah | 182.60 | 140 | 771.78 | 2.98 |
| JUMLAH | 46,359.50 | 22,940 | 111,045.65 | 2.39 |

3. Sebanyak tiga model pengurusan penanaman padi secara berpusat telah dilaksanakan iaitu model Estet Padi Secara Korporat, Estet Padi Ahli dan Estet Padi Secara Penyatuan Tanah. Setakat ini, program estet padi telah disertai seramai 22,940 orang pesawah dengan keluasan sawah sebanyak 46,359.50 hektar dengan hasil musim 2/2018 direkodkan sebanyak 111,045.65 metrik tan di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.